

# IJTIHAD RASULULLAH S.A.W: PERBAHASAN ULAMA DAN PENGERTIAN MENGENAI KESALAHAN DALAM BERIJTIHAD OLEH BAGINDA S.A.W.

Oleh:

Latifah Abdul Majid

## Abstract

*Basically, every ulama believes in the importance of ijтиhad. However they differ in their opinion as to whether ijтиhad exists in the sense of reality. Some ulama believe that ijтиhād exists based on reality because direction from Allāh the Almighty came to Prophet Muḥammad (p.b.u.h) in the form of revelation as basis for ijтиhad made by the Prophet (p.b.u.h). These differences in opinion are based on verses in the Qur’ān (ayāt ‘itāb) and on the ḥadīth.*

## PENDAHULUAN

Para ulama telah berselisih pendapat tentang keharusan ijтиhad bagi Rasulullah s.a.w. Antara beberapa persoalan yang timbul di sini ialah sekiranya ijтиhad seorang Rasul itu diharuskan dan realitinya berlaku maka adakah ijтиhadnya sentiasa benar di sisi Allah SWT? Adakah berkemungkinan akan berlaku kesalahan dalam berijтиhad dan sekiranya berlaku kesalahan dalam berijтиhad, maka adakah ia mendatangkan dosa bagi diri Nabi yang bersifat maksum? Justeru, hal ini mungkin membuatkan kita tertanya-tanya tentang apakah pengertian salah bagi junjungan?

Pada hakikatnya, adalah tidak selesa bagi sesetengah orang untuk menghukum Nabi tersilap atau tersalah lantas ditegur oleh Allah SWT (berdasarkan ayat-ayat ‘itāb yang terkandung di dalam al-Qur’ān). Pada hemat penulis, untuk menangani ketidakselesaan sedemikian, maka persoalan-persoalan di atas perlu dijawab atau dikupas sebaik mungkin agar dapat menyerlahkan kebenaran dan mendatangkan kebaikan bagi semua pihak. Dengan hal yang demikian maka penulisan ini bertujuan untuk memaparkan pendapat dan perbahasan ulama terdahulu yang telah membahaskan secara terperinci hal-hal tentang kewujudan ijтиhad Rasulullah s.a.w.

## IJTIHAD MENURUT PANDANGAN ULAMA

Sebahagian ulama berpendapat bahawa junjungan harus berijtihad secara langsung sama ada dalam bidang syarak atau perkara keduniaan. Sebaliknya, pendapat lain mengatakan bahawa Rasulullah hanya diharuskan berijtihad dalam perkara-perkara duniawi sahaja.

Berdasarkan konsep rasional atau akal, sebilangan ulama telah bersepakat untuk mengeluarkan pendapat bahawa Rasulullah s.a.w harus melakukan ijтиhad pada perkara keduniaan dan juga untuk menguruskan perkara-perkara yang khusus berhubung soal-soal peperangan. Kesepakatan pandangan tersebut wujud berlandaskan kepada beberapa peristiwa. Antara lainnya, peristiwa ketika Rasulullah s.a.w hendak berdamai dengan Bani Ghatfān. Dalam peristiwa ini, Rasulullah s.a.w dikatakan telah memberikan 1/3 hasil buah-buahan Madinah kepada Bani Ghatfān. Tindakan ini dianggap ‘harus’ dilakukan kerana mereka bebas bertindak terhadap harta benda mereka. Terdapat juga peristiwa lain yang boleh dijadikan contoh iaitu peristiwa pendebungan pokok tamar di Madinah. Pada ketika itu junjungan menegur para sahabat supaya tidak mendebungkan pokok tamar itu.<sup>1</sup>

Perselisihan pendapat antara ulama tentang ijтиhad Rasul wujud atas perkara-perkara syara’ yang tidak ada nas. Situasi ini menyebabkan lahirnya dua aliran pendapat yang berbeza iaitu pendapat yang mengharuskan dan pendapat yang tidak mengharuskannya secara mutlak. Namun begitu, keharusan pada syara’ ini terbahagi kepada dua perkara atau keadaan iaitu:

- i) Keharusan pada akal atau rasional
- ii) Keharusan pada realiti atau kenyataan

Walau bagaimanapun, atas faktor keterbatasan masa dan ruang maka penulisan ini hanya mampu memfokuskan perbincangan dan perbahasan secara terperinci terhadap perkara pertama di atas iaitu keharusan berlaku atau sebaliknya dari sudut rasional sahaja.

## IJTIHAD DARI SUDUT RASIONAL

Jumhur ulama Uṣūl Fiqh seperti Ibn al-Hājib, al-Āmīdī, Ḥanafī, kebanyakan ulama madhab Mālikī dan Ḥanbalī, Imām Shafī‘ī, dan Imām Fakhr al-Rāzī berpendapat bahawa dari segi rasionalnya adalah harus bagi Rasulullah s.a.w berijtihad di dalam perkara yang tiada nas.<sup>2</sup> Pendapat ini juga dipersetujui oleh al-Qādī ‘Abd al-Jabbar

<sup>1</sup> Al-Shawkānī, Muhammad bin ‘Ali bin Muḥammad, *Irshād al-Fuhūl*, Matba‘at Muḥammad ‘Ali Ṣabīh wa Aulādūhū, Miṣr, t.th, hlm. 255.

Ijtihad Rasulullah: Perbahasan Ulama dan Pengertian Mengenai Kesalahan Dalam Berijtihad  
Abū Ḥusain al-Baṣrī dari golongan Muktazilah.<sup>3</sup>

Pendapat Ibn Ḥazm, al-Māturīdī Abū Mansūr, dari golongan al-Ash‘ariyyah, diikuti oleh al-Jubbā‘ī dan anaknya Abū Ḥāshim dari golongan Muktazilah pula berpendapat sebaliknya; iaitu rasionalnya ijtihad tidak diharuskan pada perkara yang tidak ada nas. Ibn Ḥazm dengan tegas menyatakan bahawa sesiapa yang menyangka bahawa Rasulullah dan para anbiya’ harus berijtihad dalam perkara syara‘ maka sangkaan itu adalah dihukum kufur yang besar. Ini kerana, menurut beliau Rasulullah s.a.w akan menunggu wahyu terlebih dahulu apabila ditanya tentang sesuatu hukum.<sup>4</sup>

## HUJAH GOLONGAN YANG MENGHARUSKAN IJTIHAD

Di sini penulis kemukakan beberapa hujah yang mengharuskan berlakunya ijtihad ini.

Menurut Jumhur sekiranya akal mengandaikan bahawa harus bagi diri Rasulullah s.a.w berijtihad maka andaian itu tidak mustahil. Oleh itu, ijtihad junjungan adalah harus dari segi akal. Kalauolah Allah SWT berfirman kepada RasulNya:

حَكْمَنَا عَلَيْكُمْ أَنْ تَجْهَدُوا وَأَنْتُمْ مُتَّبِعُونَ

Maksudnya: “*Kami perintahkan engkau berijtihad, dan engkau beribadat dengannya.*”

Pada pandangan Jumhur,<sup>5</sup> jelaslah bahawa perintah seperti ini tidak mustahil, maka inilah makna keharusan secara akal.

Bagaimanapun, hujah tersebut ditolak oleh golongan yang menentang berlakunya ijtihad bagi Rasulullah. Alasannya ialah sekiranya Allah SWT menurunkan wahyu kepada junjungan maka wajib kepadanya mengikutinya kerana ia adalah nas yang qat‘ī. Sedangkan ijtihad sewaktu ketidaaan nas boleh membawa kepada hukum zanni dan memungkinkan berlakunya kesalahan sedangkan qat‘ī sebaliknya. Oleh itu, hukum qat‘ī lebih utama daripada hukum zanni.

<sup>2</sup> al-Āmīdī, ‘Alī Saifuddīn, *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, t.th, Juz 4, hlm. 206.

<sup>3</sup> *Ibid.* lihat juga al-Shawkānī, hlm. 255.

<sup>4</sup> Ibn Ḥazm al-Zāhirī, Abū Muammad ‘Alī bin al-Ḥazm al-Andalūsī al-Zāhirī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, al-Sa‘ādah, al-Qāhirah, t.th, hlm. 698-699. Lihat Muammad Amin, Amir Bad Shah al-Ḥusain al-Hanafī, *al-Taysīr al-Taḥrīr*, Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulāduhū, al-Qāhirah, 1350H, Juz 4, hlm 185. Lihat juga al-Shawkānī, hlm. 255.

<sup>5</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muhammad, *al-Muṣṭasfā min ‘ilm Uṣūl*, Muassasat al-Ḥalabī wa Shurakah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, al-Qāhirah, t.th, Juz 2, hlm. 355.

Sebagai menjawab pandangan yang bersifat penolakan di atas, ulama Jumhur mengatakan bahawa ijтиhad Rasulullah s.a.w adalah dalil hukum yang diyakini maka ia tidak membawa kepada kesalahan. Sekiranya berlaku kesalahan segera ditegur oleh Allah SWT.

Pihak yang menentang keharusan ijтиhad dari sudut rasional ini seterusnya berhujah dengan mengatakan bahawa seandainya kita mengatakan Rasulullah s.a.w harus berijтиhad tentulah junjungan sama dengan manusia lain. Oleh itu, mengapa tidak menyalahinya dalam ijтиhad. Hujah ini selanjutnya dijawab oleh pihak Jumhur<sup>6</sup> dengan menegaskan bahawa sesungguhnya Rasulullah tidak sama dengan manusia lain dalam hukum ijтиhadnya kerana junjungan tidak dibiarkan di atas kesalahan (erti jika salah akan segera diperbetulkan menerusi wahyu) sedangkan orang lain ada yang betul dan ada pula sebaliknya. Di samping itu, mengikut rasul adalah wajib (dengan dalil-dalil syara'). Tegasnya, kita tidak harus menyalahinya sama sekali, sama ada hukum itu sabit dengan nas atau ijтиhadnya.

Selanjutnya pihak Jumhur mengatakan bahawa beramal dengan ijтиhad adalah lebih berat dan mendapat ganjaran yang lebih. Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w:

7      ثوابك على قدر نصبك

Maksudnya: “Pahalamu mengikut kadar kesusahanmu.”

Oleh hal yang demikian, mereka berpendapat sekiranya Rasulullah s.a.w tidak dibolehkan melakukan ijтиhad sedangkan umatnya dibolehkan, maka hal ini akan menggambarkan betapa umatnya lebih baik daripada junjungan dalam bidang ini. Ini kerana, bidang ijтиhad merupakan tingkatan ilmu yang tertinggi. Oleh sebab itu, bagaimana kebaikan itu boleh dicapai oleh umatnya sedangkan junjungan sebaliknya.

Walau bagaimanapun hujah Jumhur ini ditolak oleh ulama yang tidak mengharuskan ijтиhad dengan mengatakan bahawa memang benar balasan pahala adalah berdasarkan kesusahan dan bebanan yang ditanggung oleh seseorang. Walaupun begitu, perkara ini tidak boleh disabitkan kepada Rasulullah s.a.w. Ini disebabkan konsep berkenaan (pahala mengikut kadar kesusahan seseorang) hanya dikhususkan kepada umatnya sahaja dan bukannya kepada junjungan.

Oleh kerana itu, jika diambil pemahaman dari pendapat di atas, bermakna keseluruhan tindakan junjungan hanya melakukan ijтиhad. Hal ini disebabkan perkara

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Shihāb al-Dīn Abū Ḧadīd, *Fath al-Bārī bi Sharḥ al-Bukhārī*, Syarikat Maktabat wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Auḍaduhu, Misr, Juz 3, Kitāb al-‘Umrah, bab: Ajr al-Umrah ala Qadr al-Nasb, hlm. 610.

itu lebih baik. Perlu ditegaskan di sini, sebenarnya pencapaian kedudukan itu boleh berlaku sekiranya tidak ada yang lebih baik daripada itu. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya, kerana Rasulullah s.a.w mampu mendapatkan yang lebih baik daripada ijtihad iaitu wahyu. Jelasnya, sudah tentu wahyu mengatasi ijtihad tanpa diragui.

Firman Allah SWT di bawah ini telah dikemukakan oleh pihak Jumhur sebagai hujah yang berikutnya untuk menegaskan lagi bahawa Rasulullah diizinkan berijtihad.

اَنَا اُنْزَلَتُ إِلَيْكُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتُحَكِّمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا اَرَأَكَ اللَّهُ وَلَا تَكُنْ لِلْحَانِينَ خَعِيْبًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab (al-Qur'an) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah SWT tunjukkan kepadamu (melalui wahyunya)*”.<sup>8</sup>

Pada pandangan Jumhur firman ini secara amnya, merangkumi hukuman secara nas dan juga secara *istinbat*. Ini kerana menghukum dengan salah satu daripadanya samalah maknanya menghukum dengan perkara yang diperlihatkan oleh Allah SWT.

Ayat ini juga menjelaskan bahawa Allah SWT menerangkan kepada NabiNya supaya menghukum di antara manusia dengan kebenaran. Secara tidak langsung perkara ini jelas menolak pendapat golongan munafikin yang mengatakan bahawa junjungan menghukum berasaskan hawa nafsu, sedangkan junjungan melakukannya berdasarkan dari wahyu Allah SWT.

Ibn Hazm menolak hujah ini dengan mengulas bahawa maksud yang dikehendaki dari ayat ini adalah wahyu. Beliau memberi tafsiran pada ayat:

بِمَا اَرَأَكَ اللَّهُ

Ini bermaksud sesuatu yang diaturkan Allah kepada Rasulullah s.a.w. Oleh itu, tidak munasabah dikatakan: “Aku serahkan kepadamu kitab supaya kamu menghukum dengan selainnya”. Seterusnya beliau menegaskan bahawa firman Allah SWT di dalam surah al-Isrā', ayat 75 yang bermaksud: “*kalaupun terjadi demikian, benar-benarlah Kami akan rasakan kepadamu (siksaan) berlipat ganda di dunia ini dan begitu (pula siksaan) berlipat ganda sesudah mati, dan kamu tidak akan mendapat seorang penolongpun terhadap Kami.*” Pada pandangan Ibn Hazm<sup>9</sup> ayat ini sebagai memberi amaran kepada Rasulullah s.a.w, sekiranya junjungan mewajibkan sesuatu selain

<sup>8</sup> al-Qur'an, al-Nisā', 4: 105.

daripada wahyu dan ini merupakan pendustaan kepadaNya. Justeru itu, jelaslah bahawa junjungan tidak bertindak dalam bidang agama melainkan daripada wahyu. Oleh yang demikian, gugurlah ijtihad bagi Rasulullah s.a.w.

Ulasan ini ditolak dengan jawapan ulama Jumhur bahawa beramal dengan ijtihad ialah bererti beramal dengan wahyu. Ini kerana makna ayat “*diperlihatkan Allah kepadamu*” itu juga merangkumi hukum secara *istinbat* dan secara nas. Jelasnya, ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT tidak membezakan sama ada yang diperlihatkan itu nas atau ijtihad.

## HUJAH GOLONGAN YANG TIDAK MENGHARUSKAN IJTIHAD

Firman Allah SWT yang berikut menjadi hujah utama kepada golongan yang menolak bahawa Rasulullah s.a.w berijtihad.

وَمَا يُنطِقُ عَنِ الْهُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى

Maksudnya: “*Dan tiadalah yang diucapkannya itu menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)*”.<sup>10</sup>

Menurut mereka jelas di sini, bahawa Rasulullah s.a.w tidak berkata-kata dan tidak menghukum sesuatu melainkan dengan wahyu daripada Allah SWT. Oleh itu, ayat ini sekaligus menafikan kewujudan ijtihad pada Rasulullah s.a.w.

Walau bagaimanapun, hujah ini dijawab oleh al-Syaikh ‘Abd al-Jalil ‘Isā dengan ulasan: “Bahawa memang jelas, ulama besar telah memutuskan bahawa maksud firman Allah SWT di atas ialah kata-kata berhubung dengan al-Qur'an yang dibaca oleh junjungan, bukannya daripada rekaannya sendiri malahan ia adalah wahyu. Tetapi perlu diketahui apakah yang mereka kehendaki atau maksudkan daripada ayat ini. Apakah mereka bermaksud bahawa segala pertuturan dan urusan harian Rasulullah s.a.w adalah wahyu? Contohnya kata-kata Rasulullah s.a.w: “Bagaimana keadaan kamu wahai sahabatku?” termasuklah juga kata-katanya kepada isteri-isterinya. Oleh itu, “sekiranya mereka mengatakan semua perkara itu adalah wahyu maka pastilah akal kita tidak dapat menerima sama sekali. Dari itu, kita tidak perlu berbincang lagi dengan mereka. Sekiranya mereka mentafsirkan bahawa Rasulullah s.a.w tidak bercakap berdasarkan hawa nafsu atau sesuka hatinya tetapi untuk maslahah, maka boleh diterima. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna ia menegah dari berlakunya

<sup>9</sup> Ibn Hazm, *Usūl al-Ahkām*, Juz 2, hlm. 702.

<sup>10</sup> Al-Qur'an, al-Najm 53: 3-4.

ijtihad. Ini disebabkan junjungan tidak berijtihad kecuali setelah diyakini bahawa ijtihad itu akan mendatangkan kemaslahatan. Namun begitu sekiranya didapati ijtihadnya tidak sesuai dengan kemaslahatan maka dimaafkan. Selanjutnya, beliau berkata: "Jika ditafsirkan ayat ini dengan maksud bahawa junjungan diberi wahyu dan juga diizinkan berijtihad, jelaslah itulah yang dikehendaki, tetapi ini tidak bermakna bahawa ijtihad itu selalu benar. Ini kerana tidak berkaitan antara keizinan berijtihad dengan kebenaran hasil ijtihad. Sekiranya ditafsirkan ayat itu sebagai perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan syara' (iaitu segala tindakan yang boleh dikira sebagai perundangan), maka di sini perlu dikemukakan beberapa persoalan. Adakah dengan pengertian syara' itu terkeluar perkara yang khusus bagi Rasulullah s.a.w seperti mengeluarkan sifat naluri kemanusiaannya seperti makan, minum dan sebagainya? Apakah selain dari perkara di atas segala amalan, perkataan dan pengakuannya dimasukkan dalam pengertian syara'? Apakah semua perbuatan junjungan melalui wahyu? Tegasnya, menurut al-Syaikh 'Abd al-Jalil bahawa ternyata di sini, manusia yang berakal tidak akan berpendapat sedemikian."<sup>11</sup>

Golongan yang menentang keharusan ijtihad ini seterusnya mengemukakan hujah bahawa tindakan Rasulullah s.a.w berijtihad adalah suatu perkara yang tidak baik, kerana menyebabkan orang ramai melarikan diri dan menjadi liar dengan menyangka bahawa junjungan telah memandai-mandai dalam syariat. Oleh yang demikian, sewajarnya ijtihad tidak diharuskan bagi Baginda.<sup>12</sup>

Seterusnya menurut mereka lagi bahawa sekiranya Rasulullah s.a.w diharuskan berijtihad, maka bolehlah mujtahid lain menentangnya, kerana umumnya hukum ijtihad ini boleh ditentang. Walaupun begitu, perlu ditegaskan bahawa menentang Rasulullah s.a.w sama sekali tidak dibenarkan. Sebarang bentuk penentangan akan dianggap sebagai kufur. Oleh itu, ijtihad tidak berlaku di sisi junjungan.

Jumhur menolak kedua-dua hujah ini dengan beralasan bahawa perkara liar dan menjauhkan orang ramai daripada agama tidak akan timbul meskipun junjungan menghukum melalui ijtihad. Ini kerana sekiranya Rasulullah s.a.w berijtihad bukanlah Baginda menghukum dengan pendapatnya sendiri, sebaliknya beriktiad bahawa itulah hukum Allah SWT. Di samping itu, terdapat perbezaan di antara ijtihad Rasulullah s.a.w dengan ijtihad orang lain dari umatnya, kerana ijtihad junjungan tidak salah. Walupun begitu, sekiranya berlaku kesalahan, ijtihad itu tidak akan direstui malahan ia segera ditegur oleh Allah SWT. Oleh itu, ijtihad sebegini tidak harus ditentang. Namun

<sup>11</sup> Abu Nasr, 'Abdul Jalil 'Isā, *Ijtihād Rāsūlullāh s.a.w*, Dār al-Bayān, al-Kuwait, 1969, hlm. 38-40.

<sup>12</sup> Kassim Mat Salleh, *Ijtihad: Sejarah dan Perkembangannya*, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, t.t.p, 1989, cet 1, hlm. 234.

begitu, ijтиhad orang lain boleh dan harus ditentang. Sebabnya, mujahid pertama tidak boleh menegaskan atau mendakwa bahawa hukum yang didapatinya itu dari Allah SWT.

Merujuk kepada perbahasan ulama di atas, berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh ulama Jumhur dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dari sudut rasionalnya, Rasulullah s.a.w diizinkan berijтиhad di dalam perkara-perkara yang ketidaaan nas. Hal ini ditegaskan lagi dengan terdapatnya ayat-ayat ‘*itāb*’ di dalam al-Qur'an. Oleh itu, secara tidak langsung menunjukkan bahawa junjungan pernah berijтиhad tetapi berlaku kesalahan lantas ditegur oleh Allah SWT.

### **MEMAHAMI HAKIKAT ‘SALAH’ BAGI RASULULLAH S.A.W.**

Berhubung dengan topik ini, pada hakikatnya bagi sebahagian orang, memang berasa amat berat dan sukar untuk mengatakan bahawa Nabi s.a.w salah, iaitu salah dalam ijтиhadnya. Kerana apabila disebut ‘salah’ ertiinya berdosa. Istilah dosa, salah, menyeleweng dan seumpamanya adalah bercanggah dengan iktiqad yang sebenar. Hal ini disebabkan di antara perkara yang mesti diyakini oleh kaum muslimin ialah bahawa Nabi s.a.w itu *maksum* (terkawal dari segala dosa). Justeru, memang tidak selesa bagi sesiapa jua untuk mengatakan Nabi s.a.w bersalah.

Umumnya, ‘salah’ yang difahami oleh kebanyakan orang ialah setiap kesalahan itu hukumannya berdosa maka setiap yang berdosa mesti dibalas. Namun hakikatnya, salah bagi seorang Nabi s.a.w tidak demikian, kerana Rasulullah s.a.w berijтиhad berdasarkan perbincangan dalam mesyuarat khas bersama para sahabat. Contoh yang diutarakan di sini ialah berhubung dengan isu tawanan perang Badar. Mesyuarat khas diadakan bagi memutuskan untung nasib tawanan perang ini. Walau bagaimanapun kebetulan hasil ijтиhad Nabi s.a.w itu tidak menepati dengan apa yang Allah SWT tetapkan.

Perlu ditegaskan di sini, bahawa semua perkara telah ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali lagi. Setengah dari ketetapan itu sengaja Allah SWT menjadikannya sebagai suatu rahsia, tetapi sebenarnya kerahsiaan itu mempunyai hikmah di sebaliknya. Ia memberi ruang kepada kaum muslimin untuk menggunakan daya fikirannya, untuk berijтиhad mencari penyelesaian, sebagaimana Nabi s.a.w berijтиhad dalam menyelesaikan isu tawanan perang Badar itu.

Sepanjang zaman kaum muslimin akan berdepan dengan perkara-perkara baru yang tidak terdapat dalil nas. Kesempatan itu memberi ruang yang baik untuk kaum muslimin yang berkelayakan dan berkemampuan untuk berijтиhad.

Menyoroti kisah ketika Nabi s.a.w berijтиhad dalam isu tawanan perang Badar ini, Baginda tidak tahu perkara yang sebenar di sisi Allah SWT. Justeru itu, junjungan

Ijtihad Rasulullah: Perbahasan Ulama dan Pengertian Mengenai Kesalahan Dalam Berijtihad mengadakan mesyuarat dengan para sahabat untuk mengambil keputusan yang terbaik.

Berhubung dengan mesyuarat tersebut terdapat dua pandangan yang bercanggah. Pendapat pertama adalah daripada Saiyyidina Abu Bakar yang mencadangkan supaya para tawanan itu dikenakan bayaran tebus diri. Di samping dapat memanfaatkan wang tebusan itu untuk kepentingan Islam serta memberi kesempatan kepada mereka untuk mendengar dakwah Islam, seterusnya mereka akan mendapat hidayah daripada Allah SWT setelah menerima layanan yang baik daripada kaum muslimin. Sementara Saiyyidina ‘Umar al-Khatib pula berpendapat sebaliknya. Beliau berpandangan adalah wajar semua tawanan itu dibunuhi memandangkan mereka adalah terdiri daripada para pemuka Quraish yang selama ini menjadi perancang usaha khianat terhadap Nabi dan agama Islam.

Oleh kerana Nabi s.a.w belum menerima sebarang arahan daripada Allah SWT menerusi wahyuNya, maka junjungan telah membuat keputusan yang memihak kepada pendapat Saiyyidina Abu Bakar, walaupun orang-orang tawanan itu terdiri daripada musuh-musuhnya yang menyebabkan junjungan sendiri tidak dapat tinggal di bumi Mekah. Namun kerana Baginda adalah seorang yang mempunyai sifat lemah-lembut (*rahmah*) simpati (*ra'fah*) maka Rasulullah s.a.w lebih cenderung dengan pandangan Abu Bakar. Junjungan mengharapkan harta tebusan yang dikenakan terhadap para tawanan itu dapat dimanfaatkan untuk perjuangan Islam yang memerlukannya. Selain itu, hati pihak musuh akan berubah dan memeluk Islam setelah mendapat layanan yang baik dari kaum muslimin.<sup>13</sup> Ternyata Nabi s.a.w menggunakan daya fikirnya bagi memutuskan bentuk hukuman ke atas tawanan perang yang belum ditentukan oleh al-Qur'an itu.

Allah SWT menetapkan bahawa kegiatan hidup manusia itu, hanya tertakluk kepada lima hukum, iaitu; wajib, haram, sunat, makruh dan harus. Bagaimanapun masih banyak berlaku di dalam dunia ini pelbagai perkara dan kes yang belum ditetapkan hukumnya oleh wahyu Allah SWT. Justeru Islam membenarkan orang-orang yang mempunyai kelayakan dan kemampuan berfikir untuk berijtihad, bagi menetapkan hukum terhadap isu-isu yang dibangkitkan itu.

Oleh hal yang demikian, Nabi s.a.w bermesyuarat bersama para sahabat, kerana sebelum daripada peristiwa itu belum pernah terjadi masalah tawanan perang, disebabkan belum pernah berlaku peperangan selain daripada peperangan Badar. Melalui pandangan para sahabat dalam mesyuarat tersebut, Nabi s.a.w berijtihad dengan mengambil satu di antara dua pendapat tersebut. Tegasnya di sini, persoalan mengenai Nabi berijtihad sememangnya telah terbukti dengan peristiwa tawanan

<sup>13</sup> Nadiah Syarif al-‘Umri, *Ijtihād Rasūlullāh s.a.w*, Muassasah al-Risālah, Beirut, 1981, hlm. 58.

perang Badar, di mana Nabi telah membuat keputusan mengenainya.

Walau bagaimanapun, ijтиhad Nabi s.a.w telah mendapat teguran langsung dari-pada Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam surah al-Anfal, ayat 67-68 yang bermaksud: "*Bahawa tidak layak bagi seorang Nabi mempunyai tawanan perang sebelum ia dapat melumpuhkan musuhnya di muka bumi ini.*" Teguran itu menunjukkan bahawa ijтиhad itu ada kalanya betul seperti yang dikehendakiNya, tetapi ada ketikanya tersalah. Bukanlah sesuatu yang aneh apabila ijтиhad Nabi s.a.w tidak menepati dengan apa yang ada di *Luh Mahfuz*, kerana memang demikianlah tabiat ijтиhad itu ada kalanya betul dan ada waktu yang lain salah. Namun, sesetengah ulama merasa tidak selesa untuk mengatakan bahawa Nabi salah, kerana sekiranya salah bererti berdosa.

Penurunan wahyu Allah SWT itu telah menjelaskan bahawa ijтиhad Nabi s.a.w ini tidak menepati dengan kehendakNya, maka inilah yang dikatakan Nabi s.a.w salah ijтиhad. Jadi yang dimaksudkan ‘salah’ kepada Nabi itu ialah keputusan yang diambil oleh Nabi s.a.w melalui ijтиhadnya, tidak menepati dengan ilmu Allah SWT. Ketidaktepatan ijтиhad Nabi dengan keputusan Allah SWT tidak menjelaskan kedudukannya sebagai seorang Nabi, kerana sebelum Nabi s.a.w membuat sesuatu keputusan, junjungan terlebih dahulu mengambil kira beberapa pandangan daripada para sahabat di dalam mesyuarat khas. Peristiwa ini sebenarnya tidak bercanggah dengan ikтиhad bahawa Nabi s.a.w adalah *maksum* (terkawal daripada dosa).

Meskipun, ijтиhad Nabi s.a.w itu salah namun Nabi tidak berdosa. Ini kerana Nabi berijтиhad dalam perkara-perkara yang belum ditetapkan hukumnya menerusi wahyu daripada Allah SWT.

Menerusi ayat yang lain, Allah SWT memaafkan Nabi di atas salah ijтиhadnya. Firman Allah di dalam surah al-Tawbah ayat 43 bermaksud: "*Allah memaafkan kamu. Mengapa kamu memberi izin kepada mereka (untuk tidak pergi berperang), sebelum jelas bagimu orang-orang yang benar (dalam keuzuran dan sebelum kamu ketahui orang-orang yang berdusta.*" Ayat ini berhubung dengan beberapa orang sahabat yang meminta izin uzur untuk tidak bersama Nabi dalam perang Khandaq, tetapi mereka berjanji akan menyusul Nabi kemudian iaitu selepas selesai menuai buah-buahan kurma yang sedang masak. Bagaimanapun Nabi dan tentera Islam pulang awal kerana pihak musuh telah berundur menyebabkan semua yang meminta izin, tidak pergi berperang ke medan Khandaq. Bagaimanapun, Allah SWT telah memaafkan Nabi s.a.w kerana telah mengizinkan dan menerima keuzuran orang-orang yang belum diketahui sama ada mereka benar-benar berkeuzuran ataupun mereka berdusta. Ayat ini menjadi dalil bahawa kesalahan Nabi s.a.w itu dimaafkan oleh Allah SWT. Oleh yang demikian Nabi s.a.w tidak dibebani dosa walaupun salah.

## Ijtihad Rasulullah: Perbahasan Ulama dan Pengertian Mengenai Kesalahan Dalam Berijtihad

Selain itu juga hakikatnya, Allah SWT tidak akan membiarkan NabiNya berkeadaan salah, maka malaikat Jibril a.s. akan segera diutus untuk membetulkan kesalahan tersebut. Di dalam surah Ali ‘Imrān, ayat 31, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud: “...*Ikutlah aku (Nabi) nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa kamu.*” Ayat ini membuktikan bahawa Allah SWT tidak membiarkan NabiNya dalam keadaan salah, kerana bagaimana Nabi boleh menjadi ikutan umatnya jika Nabi dalam keadaan sedemikian.

Tegasnya di sini berdasarkan kisah Nabi s.a.w ini, menjadi suatu kebaikan bagi umat Islam yang berkelayakan dan mempunyai kemampuan dari segi ilmu, diberi hak untuk berijtihad dalam perkara-perkara yang tidak ada nas. Walau bagaimanapun, berijtihad memerlukan kaedah-kaedah yang tertentu dan khusus. Ia perlu dilakukan dengan teliti dan sabar atas segala kesusahan demi mencapai suatu keputusan yang sesuai dan menepati dengan roh al-Qur'an dan sunnah.

Walaupun begitu, jika di dalam keadaan demikianpun ijtihad mereka salah juga, maka di sisi Allah SWT adalah tidak berdosa, kerana mereka berijtihad dengan kaedah-kaedah yang diizinkan oleh syarak, serta memenuhi syarat-syaratnya. Mereka sebenarnya tidak tahu apa yang ada di sisi Allah SWT. Namun Allah SWT tetap menghargai kerja baik orang yang bersungguh-sungguh berijtihad bagi mengatasi masalah umat. Mereka diberi ganjaran satu pahala iaitu pahala ijtihad. Sementara mereka yang ijtihadnya menepati kehendak Allah SWT dikurniakan dua pahala iaitu pahala berijtihad dan pahala betul ijtihadnya.

## PENUTUP

Justeru, dapatlah dibuat kesimpulan di sini bahawa dari sudut rasionalnya Rasulullah s.a.w boleh berijtihad pada perkara-perkara syara' yang ketiadaan nas. Umumnya, sekiranya junjungan diajukan persoalan berhubung dengan bidang kehakiman dan fatwa, Baginda akan menunggu wahyu Allah SWT terlebih dahulu. Sekiranya ada wahyu maka itulah penyelesaiannya. Tetapi, sekiranya tidak ada wahyu maka itu menandakan keizinan kepada mereka untuk berijtihad dan mengeluarkan hukum yang diperlukan. Tegasnya, Rasulullah s.a.w tidak bertutur sesuka hati sewaktu memperkatakan soal-soal yang berhubungan dengan bidang perundangan. Segala ucapannya merupakan wahyu yang disampaikan kepada mereka.

Ternyata, walaupun Rasulullah s.a.w berijtihad di dalam perkara-perkara syara' yang tiada nas dan seandainya berlaku kesalahan akan segera diperbetulkan dan dimaafkan oleh Allah SWT. Oleh yang demikian tidak timbul persoalan sama ada Rasulullah berdosa ataupun tidak kerana dengan teguran itu telah menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w sentiasa di dalam jagaan Allah SWT.

Perlu dinyatakan di sini walaupun Nabi s.a.w seorang yang *maksum*, namun Baginda sentiasa beristighfar kepada Allah SWT. Nabi s.a.w beristighfar setiap hari sebanyak tujuh puluh kali ataupun lebih daripada itu. Timbul persoalan di sini mengapa Nabi beristighfar begitu banyak, padahal Nabi adalah seorang yang *maksum*, iaitu terhindar daripada segala dosa? Sesungguhnya umat muslimin dikehendaki supaya meneladani secara bersungguh-sungguh segala jejak Nabi, mereka dikehendaki meningkatkan tahap keilmuan dan ketakwaan serta tahap ibadat dari masa ke semasa. Jika orang awam dikehendaki meningkat amal mereka, maka lebih-lebih lagi bagi seorang Nabi. Semestinya Nabi merasa dirinya bersalah jika tiada peningkatan pada dirinya dari masa ke semasa. Walaupun Nabi dalam keadaan *maksum*, namun Baginda berasa diri bersalah kepada Allah SWT, jika taraf ketakwaannya atau ibadatnya tidak ditingkatkan. Sebagai insan yang bertaraf Nabi dan rasul Allah, sudah semestinya ketakwaannya dipertingkatkan dalam segala hal. Namun demikian Nabi s.a.w sentiasa beristighfar kepada Allah dengan banyaknya sebagai tanda pengabdiannya kepada Allah SWT sebagai seorang hamba yang sentiasa bersyukur.